

## KPDNHEP teliti beri subsidi secara terus kepada individu

Oleh Rohaniza Idris dan Ahmad Suhael Adnan - Mac 21, 2022 @ 7:20pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Datuk Rosol Wahid. FOTO NSTP.

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang meneliti cadangan untuk memberikan subsidi secara terus kepada individu yang layak, berbanding memberi subsidi kepada barangan tertentu.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid, berkata cadangan itu bertujuan mengurangkan ketirisan apabila barangan bersubsidi itu turut dinikmati oleh mereka yang berkemampuan ketika ini.

Selain itu, katanya, langkah memberikan subsidi bersasar secara terus kepada kumpulan sasar akan mengurangkan bebanan kerajaan dalam menanggung jumlah subsidi yang besar ketika ini, yang dijangka mencecah lebih RM2 bilion tahun ini.

"Hari ini kita berikan subsidi kepada barangan seperti minyak masak, minyak petrol, gas dan sebagainya.

"Kita sedang meneliti cadangan untuk memberi subsidi kepada individu. Contohnya, bagi kumpulan B40, kita beri RM1,000 setahun dan duit itu akan digunakan untuk membeli barang keperluan.

"Ertinya, kerajaan tidak lagi beri subsidi kepada barangan keperluan seperti dilaksanakan sekarang. Ini dalam perancangan kita untuk mengurangkan ketirisan agar duit itu digunakan secara bersasar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021 di Dewan Rakyat, hari ini.

Rosol berkata, antara kaedah pemberian subsidi bersasar yang dipertimbangkan ialah menerusi kad khas atau e-dompet.

"Subsidi bersasar ini akan diberikan kepada mereka yang layak sahaja, sama ada menerusi kad khas atau e-wallet, maka mereka boleh membelanjakan untuk apa yang mereka perlukan," katanya.

Selain itu, katanya, KPDNHEP juga sedang mempertimbangkan untuk meletakkan cip khas atau alat pengesan pada tong gas bagi mengelak penyeludupan barang bersubsidi itu ke sempadan negara.

"Ini babitkan kerugian berbilion ringgit kepada kerajaan. Ada cadangan untuk meletakkan cip atau alat bagi mengesan pergerakan tong gas itu, sekali gus memudahkan penguat kuasa memantau pergerakan tong gas berkenaan," katanya.

Sementara itu, ketika membentangkan pindaan akta ini, Rosol menjelaskan pindaan itu penting bagi memastikan wujudnya keseimbangan pembekalan dan harga yang terkesan akibat faktor seperti kenaikan harga bahan mentah, bencana alam ataupun sikap peniaga yang sengaja menyorokkan barang-barang kawalan.

"Melalui Akta Kawalan Bekalan (Akta 122) ini, kerajaan dapat memastikan stok barang kawalan mencukupi dan mudah didapati pada setiap masa dan keadaan.

"Hal ini kerana akta ini memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk menetapkan apa-apa makanan dan barang keperluan asas sebagai barang-barang kawalan.

"Pengisytiharan barang kawalan membolehkan kerajaan mengawal selia pengeluaran, pengedaran, penjualan dan penyimpanan barang-barang kawalan bagi mengelakkan aktiviti manipulasi bekalan oleh pihak tidak bertanggungjawab," katanya.

Pada masa sama, katanya, pindaan ini untuk memperkasa peruntukan berhubung penguatkuasaan bagi membanteras kegiatan penyelewengan barang kawalan.

"RUU ini juga bagi memperjelas dan memperincikan peruntukan yang berhubung dengan pengendalian barang sitaan supaya tindakan penyitaan dan rampasan dapat dilakukan dengan lebih praktikal dan selamat," katanya.

Sementara itu, beliau menjelaskan pindaan Fasal 2 bertujuan untuk menggantikan perenggan 10(1)(a) Akta 122 dengan perenggan baharu untuk memberi kuasa kepada Pengawal Bekalan, pegawai bekalan, pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau pegawai kastam untuk menahan tanpa waran mana-mana orang yang dipercayai melakukan atau cuba melakukan kesalahan akta berkenaan.

Pada masa ini, kesalahan atau cubaan untuk melakukan apa-apa kesalahan bawah Akta 122 hanya dilaksanakan sekiranya seseorang itu enggan memberikan nama dan alamatnya atau memberikan suatu alamat di luar Malaysia atau suatu nama atau alamat palsu atau berkemungkinan akan melarikan diri.